

66 sertai Bakti Siswa di Beserah

KUANTAN: Seramai 66 orang mahasiswa ahli Persatuan Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam Kolej Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Perkasa) akan mengadakan projek Bakti Siswa selama empat hari di Kampung Pantai, Beserah, di sini.

Pengarah projek itu, Khomaidi Homaini, berkata program itu dianjurkan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kuantan (MPK).

Katanya, program ini bertujuan menyedarkan masyarakat luar bandar terhadap kepentingan ilmu dan kepesatan perkembangan teknologi terkini melalui ceramah yang akan diadakan kelak.

Beliau berkata, selain itu, projek ini juga untuk melahirkan mahasiswa yang sentiasa peka terhadap pembangunan dan keperluan masyarakat setempat dan sentiasa bersedia berkhidmat untuk masyarakat.

"Program ini juga memberi kesedaran kepada mahasiswa mengenai tanggungjawab terhadap keluarga, masyarakat, negara dan agama serta penghayatan terhadap perjuangan pahlawan Melayu menuntut kemerdekaan dulu.

"Ia juga akan mengerat hubungan dengan penduduk luar dan memberi kesedaran kepada masyarakat luar terhadap kepentingan pembangunan mental dan fizikal melalui program motivasi yang akan dijalankan," katanya di sini, semalam.

Khomaidi berkata, pelbagai kegiatan akan dijalankan, termasuk mengenali sejarah Kampung Pelindung, gotong royong membersihkan balai raya, tabika, masjid dan surau tanah perkuburan dan membersihkan pantai.